



MOHD. Isa Abd. Samad (kiri) bersama kakitangan Felda bertanya khabar dan memberikan kata-kata semangat kepada keluarga mangsa banjir di Felda Raja Alias Empat, Jempol, semalam. - UTUSAN/SAJIDA ASARULAH KHAN

Banjir: Felda sedia kerjasama dengan JPS

JEMPOL 3 Jan. - Felda bersedia bekerjasama dengan Jabatan Pengaliran Saliran (JPS) untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir di Felda Seberang Tayor, Kemaman, Terengganu.

Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abd. Samad menjelaskan, bencana banjir yang berlaku baru-baru ini di kawasan berkenaan adalah yang paling teruk dalam tempoh lebih 30 tahun.

"Sebelum ini kami menerima maklumat berlaku banjir kecil di kawasan berkenaan tetapi pada tahun ini keadaannya luar biasa dan menjejaskan penduduk kerana kedudukan yang begitu hampir dengan sungai.

"Biasanya banjir yang berlaku tidak seteruk sekarang sehinggalah pada Disember lalu melibatkan se-

jumlah 100 keluarga," katanya selepas melawat keluarga seorang mangsa yang hilang di sebuah ladang kelapa sawit di Felda Raja Alias Empat di sini hari ini.

Mohd. Isa berkata, Felda sentiasa bersiap sedia berdepan dengan masalah bencana malah pasar raya D'Mart di bawah kelolaan Felda telah memberi bantuan makanan kepada mangsa ketika kejadian tersebut berlaku.

"Kini kita mahu mencari jalan bagaimana mengelakkan kejadian seumpama itu berulang kerana kami maklum, peneroka di kawasan tersebut mengalami kerugian yang besar apabila banyak harta benda musnah," jelasnya.

Justeru, Felda akan membantu mangsa terbabat dengan menghulurkan bantuan kewangan dan keperluan lain.

Sementara itu, Mohd. Isa meluangkan masa selama 30 minit bertanya khabar pada keluarga berkenaan mengenai kejadian yang menimpa Mohd. Nizam Ahmad, 33.

Mohd. Isa yang juga Ahli Parlimen Jempol diiringi Pengurus Besar Felda Wilayah Raja Alias, Yusof Mohamad serta ketua peneroka negeri, Othman Parman berkata, dia bersimpati dengan nasib yang menimpa keluarga itu dan berharap Mohd. Nizam yang dilaporkan hilang di kebun kelapa sawit dekat Felda Raja Alias Dua di sini dapat segera ditemui.

"Saya berharap keluarga mangsa bersabar dan penduduk dapat terus memberi perangsang kepada mereka. Mereka tidak lagi mempunyai ibu bapa iaitu peneroka asal di sini dan amat memerlukan sokongan semua pihak," jelasnya.